



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(PPK)081/10 Jld.15 (36)
KP(BS)8591/Jld.VIII (74)

Tarikh : 10 Oktober 1994

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/1994 :
Pelaksanaan Kokurikulum Pada Tahun 5 dan Tahun 6 KBSR

Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan tentang pelaksanaan masa kokurikulum dalam jadual waktu KBSR bagi Tahun 5 dan Tahun 6.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum Bil.2/92 pada 27 Mac 1992 telah memutuskan supaya mata pelajaran Kemahiran Hidup dilaksanakan untuk pelajar Tahap II mulai sesi persekolahan 1992/1993. Untuk mencukupkan dua waktu (60 minit) bagi mata pelajaran ini, satu waktu telah diambil dari bahasa pengantar dan satu waktu lagi dari waktu tambahan menjadikan jumlah peruntukan masa seminggu KBSR 1470 minit.

3. Apabila Mesyuarat JPK Bil.3/93 memutuskan supaya kokurikulum dikeluarkan daripada jadual waktu rasmi persekolahan, satu waktu masa kokurikulum Tahap II (30 minit) diberi kepada Kemahiran Hidup. Ini bermakna satu waktu tambahan bagi Kemahiran Hidup tersebut dibatalkan, dan jumlah peruntukan masa seminggu KBSR kembali kepada 1440 minit bagi Tahap II.

4. Peruntukan masa kokurikulum yang diberi kepada Sains dilaksanakan pada Tahun 4 mulai sesi persekolahan 1994/1995. Oleh itu satu waktu (30 minit) untuk kokurikulum yang diberikan kepada Sains pada Tahun 5 hanya akan mula dilaksanakan pada sesi persekolahan 1995/1996 dan pada Tahun 6 sesi persekolahan 1996/1997. Ini bermakna kokurikulum (satu waktu) masih perlu dilaksanakan pada Tahun 5 dan Tahun 6 sesi persekolahan 1994/1995 dan pada Tahun 6 sesi persekolahan 1995/1996.

5. Sila edarkan Pekeliling ini kepada semua sekolah rendah serta maktab perguruan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia
 7. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 8. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia